

05 SEP 1997

Mahathir-Projek

TANGGUH PROJEK: KERAJAAN TIDAK MENGAKU KALAH

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata pengumuman kerajaan untuk menangguhkan beberapa projek besar bukan kerana mengaku kalah kepada tekanan luar, terutama spekulator penyangak dan penganalisis ekonomi antarabangsa.

Perdana Menteri berkata, langkah itu terpaksa diambil kerana kos membina projek-projek itu sudah menjadi lebih 20 peratus mahal berikutan kejatuhan nilai mata wang negara dan pasaran saham akibat kegiatan spekulasi dan manipulasi, terutama oleh pengurus-pengurus dana asing.

"Oleh kerana mereka berjaya menjatuhkan nilai mata wang kita maka projek-projek itu sudah menjadi amat mahal. Jadi tak dapat tidak kita kena ambil tindakan ini (tangguhkan pembinaan projek-projek itu)," katanya pada persidangan berita selepas berakhir hari pertama Perhimpunan Agung Umno 1997 di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Malam tadi, selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini, Dr Mahathir mengumumkan keputusan kerajaan menangguhkan pembinaan beberapa projek besar seperti Empangan Hidro-Elektrik Bakun, Kuala Lumpur Linear City, lapangan terbang antarabangsa yang baru di Kedah dan lebuh raya yang menghubungkan kawasan-kawasan tanah tinggi di negara ini.

Bagaimanapun, langkah itu telah disifatkan oleh penganalisis ekonomi antarabangsa sebagai tanda kerajaan mengaku kalah kepada tekanan yang dilakukan terhadap ekonomi negara dan mengakui bahawa pertumbuhan pesat yang disertai pembinaan projek-projek besar menyebabkan ekonomi Malaysia terlalu panas.

Pada persidangan berita itu, Perdana Menteri secara sinis mengucapkan tahniah kepada mereka yang telah "berjaya" menjatuhkan nilai mata wang dan pasaran saham Malaysia.

Katanya: "Jadi saya ucapkan mereka semua selamat berjaya kerana mereka boleh meraikannya (kejayaan itu) sekarang."

"Mereka begitu gembira sekali kerana tindakan mereka menyebabkan kita terpaksa melewatkan projek ini ... untuk memaksa kita (menangguhkannya) yang mereka tekan supaya nilai mata wang kita turun," katanya.

Dalam nada yang serius pula, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan meneruskan semula projek-projek besar itu apabila nilai ringgit kembali pulih seperti sediakala.

Ini kerana kerajaan tidak pernah menghadapi sebarang masalah untuk melaksanakan projek-projek itu sehinggalah nilai mata wang negara turun, katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri percaya kesediaan kerajaan untuk meneruskan projek-projek besar itu apabila nilai ringgit kembali pulih sudah tentu akan menyebabkan mereka yang mengkhianati ekonomi negara berusaha keras untuk memastikan ia terus rendah seperti sekarang.

"Saya tak boleh nak kata (tempoh waktu nilai ringgit akan kembali seperti sediakala). Bila kita kata nak atasi (kejatuhan nilai ringgit), ada orang yang akan sengaja usaha supaya kita gagal.

"Ada kuasa di luar. Saya tak tahu apa salah kita tetapi nampak mereka begitu benci sekali kepada kita. Kalau kita baca laporan yang dibuat oleh mereka, mereka seolah-olah bergembira kerana kita miskin," katanya.

Ketika ditanya perasaan beliau dalam menghadapi tekanan-tekanan itu, Dr Mahathir berkata, beliau sedih dan tidak nampak sebab munasabah mengapa mereka begitu bersungguh-sungguh untuk memastikan kerajaan menghentikan pembinaan projek-projek besar.

Dalam nada berseloroh, Perdana Menteri berkata Malaysia mungkin pada masa depan terpaksa membina bangunan yang dua meter lebih rendah daripada bangunan di negara-negara maju.

"Kita tidak sepatutnya membina bangunan-bangunan yang lebih tinggi daripada bangunan mereka kerana ia tidak dilakukan oleh negara-negara sedang membangun tetapi kita buat juga. Ini telah menyebabkan mereka begitu marah kerana kita telah mencabar status mereka dan ini kita mesti ingat," katanya. -- BERNAMA

AH AHH